

07/02/2002

Kerusi Parlimen Putrajaya Julai

KUALA LUMPUR, Rabu - Rang Undang-Undang bagi mewujudkan kerusi Parlimen baru untuk Putrajaya akan dibentangkan di sidang Dewan Rakyat bulan depan, selepas mendapat kelulusan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini.

Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), Datuk Abdul Rashid Abdul Rahman, berkata apabila diluluskan Parlimen, dokumen itu akan ditandatangani Yang di-Pertuan Agong untuk diwartakan.

"Proses ini dijangka boleh selesai Julai ini. Ini bermakna, kerusi Parlimen Putrajaya boleh diguna pakai bila-bila masa selepas Julai ini. Pendeknya, kerusi baru Putrajaya boleh ditandingi pada pilihan raya umum akan datang.

"Ini akan menjadikan jumlah kerusi Parlimen kepada 194, berbanding 193 sekarang dan kami juga sudah mengadakan kerja persempadanan bagi kawasan Parlimen Putrajaya yang memasukkan sebahagian daripada kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Dengkil," katanya ketika dihubungi Berita Harian hari ini.

Jumaat lalu, Dr Mahathir berkata buat permulaan Putrajaya akan mempunyai seorang Ahli Parlimen pada pilihan raya umum akan datang, tetapi jumlah kerusi Parlimen itu akan ditambah apabila penduduk Putrajaya meningkat kepada 350,000 pada masa akan datang.

Setakat ini, penduduk Putrajaya berjumlah kira-kira 20,000 dan menjelang 2005, jumlah itu dijangka meningkat kepada 160,000.

Namun, pengundi berdaftar di kawasan itu hanya 80 orang setakat ini.

Abdul Rashid berkata, pihaknya tidak mengambil kira jumlah pengundi berdaftar dalam kawasan Putrajaya sekarang, sebagai antara kriteria utama bagi mewujudkan sesebuah kawasan Parlimen.

"Mengikut kebiasaan, jumlah pemilih berdaftar adalah sekurang-kurangnya 40,000 bagi mewujudkan kerusi Parlimen baru. Tetapi kriteria ini kita tak pakai kerana kita yakin dengan perancangan pembangunan pihak Putrajaya Holdings yang akhirnya mensasar sehingga 200,000 penduduk di situ.

"Berdasarkan hakikat ini, saya yakin jumlah pemilih berdaftar di Putrajaya nanti adalah di antara 40,000 hingga 50,000," katanya.

Beliau berkata, kawasan Parlimen Putrajaya yang dicadangkan merangkumi kawasan Wilayah Persekutuan Putrajaya dengan penduduk asalnya cuma 24.

Katanya, langkah persempadanan kawasan pilihan raya baru itu tidak menggugat mana-mana kerusi DUN di Selangor seperti yang berlaku ketika Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur diwujudkan pada 1974.

Dua lagi kawasan yang dijadikan Wilayah Persekutuan sebelum ini iaitu Kuala Lumpur dan Labuan mempunyai kerusi Parlimen masing-masing. Apabila Kuala Lumpur dijadikan Wilayah Persekutuan pada 1 Februari 1974, lima kerusi DUN Selangor secara automatik tidak wujud lagi.

Abdul Rashid berkata, cuma kawasan DUN Dengkil terjejas sedikit dengan tidak mewujudkan lagi beberapa daerah mengundi di situ. Bagaimanapun, DUN Dengkil di Selangor itu tetap kekal.

Beliau berkata, langkah mewujudkan kerusi Parlimen Putrajaya boleh dilakukan berikutan pindaan kepada Artikel 46 Perlembagaan Persekutuan sebelum ini bagi membolehkan kerusi Parlimen ditambah kepada 194 daripada 193.

Katanya, kerusi Parlimen tambahan boleh diwujudkan di Putrajaya pada masa depan apabila SPR menjalankan persempadanan semula kawasan pilihan raya, dengan jumlah penduduknya dijangka terus meningkat.

(END)